



**DASAR PERUNDINGAN**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PUSAT PENGURUSAN KOLABORASI**  
**RICE UTeM-MELAKA**  
**Cetakan 2024**

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>1.0 PENGENALAN</b>	3
<b>2.0 TAFSIRAN DAN INTERPRETASI</b>	5
<b>3.0 UNDANG-UNDANG</b>	8
<b>4.0 PERKHIDMATAN PERUNDINGAN</b>	9
<b>5.0 TANGGUNGJAWAB</b>	15
<b>6.0 TATACARA KEWANGAN &amp; KADAR PEMBAYARAN</b>	21
<b>7.0 PENUTUPAN PROJEK PERUNDINGAN</b>	28
<b>8.0 CARTA ALIR PENGURUSAN KEWANGAN</b>	29
<b>LAMPIRAN : JAWATANKUASA PERUNDINGAN</b>	30

## 1.0 **PENGENALAN**

### 1.1 **PENDAHULUAN**

Salah satu hasrat utama yang terdapat dalam misi Universiti ialah “Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti”. Ini adalah sejajar dengan visi Universiti iaitu “Menjadi sebuah Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia”. Antara matlamat *Seven Strategic Goals* Universiti adalah mempergiatkan aktiviti penjana pendapatan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan Kerajaan. Bagi mencapai hasrat ini, perkhidmatan perundingan dalam pelbagai bentuk dan kerjasama boleh dilaksanakan dengan pihak industri, swasta, badan berkanun mahupun badan Kerajaan. Perkongsian kepakaran dengan pelbagai sektor secara tidak langsung akan mengundang pelbagai bentuk khidmat perundingan yang akan memberi impak kepada pembangunan dan visibiliti Universiti. Dasar ini mengandungi takrifan perundingan serta tatacara pendaftaran, pengurusan dan pembayaran bagi projek perundingan yang dijalankan di Universiti.

### 1.2 **FUNGSI**

Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka bertindak sebagaiurus setia yang mendaftar dan merekod projek-projek perundingan yang dijalankan oleh staf Universiti. Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka juga bertanggungjawab bagi mengkaji dan menambah baik Dasar yang komprehensif supaya aktiviti penjana pendapatan Universiti dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan.

### 1.3 OBJEKTIF

Objektif dokumen Dasar ini adalah untuk:-

- i. Menentukan dasar, peraturan dan tatacara dalam pelaksanaan projek perundingan di Universiti.
- ii. Menjadi dokumen rujukan dalam pengurusan semua projek perundingan di Universiti.
- iii. Menggalakkan staf Universiti melibatkan diri dalam projek perundingan melalui tatacara dan proses pelaksanaan yang jelas.
- iv. Membantu aktiviti menjana pendapatan dari perundingan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan daripada Kerajaan.
- v. Bagi pelaporan penjanaan pendapatan Universiti, pelaporan MyRA (Seksyen C, Perkara 2), kenaikan pangkat staf dan lain-lain yang berkenaan perundingan.

## 2.0 TAFSIRAN DAN INTERPRETASI

2.1 Di dalam Dasar dan Garis Panduan ini, jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Anak Syarikat UTeM” ertinya entiti perniagaan Universiti secara amnya menjalankan perkhidmatan perniagaan (*business*) untuk menjana pendapatan di bawah Dasar ini;

“CRIM” ertinya Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi;

“Dasar” ertinya Dasar Perundingan Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

“Garis Panduan” ertinya Garis Panduan Perundingan Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

“Jawatankuasa Perundingan” ertinya Jawatankuasa Perundingan sepertimana di **Lampiran A** Dasar ini;

“Ketua Projek” ertinya perunding yang mengetuai projek perundingan di bawah Dasar ini;

“klien” ertinya mana-mana individu atau organisasi sama ada dalam atau luar Malaysia yang menerima perkhidmatan perundingan di bawah Dasar ini;

“MoA” ertinya *Memorandum of Agreement*/Memorandum Perjanjian atau apa-apa jua nama ia disebut yang hendaklah disemak oleh PUU sebelum dipersetujui/ditandatangani;

“MyRA” ertinya *Malaysian Research Assessment*;

“Pengurusan Tertinggi” ertinya Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Ketua Pegawai Operasi, Bendahari, Ketua Pegawai Maklumat, Penasihat

Undang-Undang dan apa-apa jawatan yang dikategorikan sebagai Pengurusan Tertinggi oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa;

“perunding” ertinya semua ahli yang terdiri daripada staf, pihak luar atau kedua-duanya yang menjalankan projek perundingan di bawah Dasar ini;

“RICE” ertinya Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka;

“PKPU” ertinya Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti;

“projek perundingan” ertinya aktiviti perundingan yang dilaksanakan di bawah Dasar ini;

“PPSH” ertinya Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat;

“PSTP” ertinya Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran;

“PTj” ertinya Pusat Tanggungjawab yang terdiri daripada Pejabat/Fakulti/Pusat/Institut yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas peruntukan kewangan yang diagihkan kepadanya oleh Universiti;

“PUU” ertinya Pejabat Penasihat Undang-Undang;

Projek Perundingan “G2G” ertinya Projek Perundingan “Government to Government” klien daripada agensi kerajaan lain melantik Perunding Universiti dengan syarat, semua pembayaran projek perundingan dimestikan melalui akaun UTeM.

“SST” ertinya *Sales and Service Tax*;

“staf” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang

berkhidmat di Universiti secara pinjaman yang dibayar emoluman oleh pihak Universiti; dan

“Universiti” ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

## 2.2 Interpretasi:

- a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- b) Pada bila-bila masa Dasar dan Garis Panduan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian.
- c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Dasar dan Garis Panduan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Dasar ini.
- d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Dasar dan Garis Panduan ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Dasar ini.

### 3.0 **UNDANG-UNDANG**

- 3.1 Dasar ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang berikut:-
- a) Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
  - b) Perlembagaan Universiti termasuklah apa-apa pindaan di bawahnya;
  - c) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
  - d) Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti yang berkuatkuasa mengenai “Kelulusan Bayaran Penemu dan Pengagihan Lebihan Hasil Projek Perundingan” termasuklah apa-apa pindaan di bawahnya;
  - e) Garis Panduan Perundingan Universiti Teknikal Malaysia Melaka;
  - f) Glosari MyRA I & II (Pindaan 2023) termasuklah apa-apa pindaan di bawahnya; dan
  - g) apa-apa undang-undang, kaedah, peraturan, arahan dan pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 3.2 Sekiranya mana-mana peruntukan di dalam Dasar dan Garis Panduan ini menjadi tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan disebabkan sebarang alasan, termasuk dan tidak terbatas kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa atau disebabkan keputusan mahkamah atau badan lain atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Dasar dan Garis Panduan ini, maka hanya peruntukan tersebut sahaja yang terbatal manakala peruntukan-peruntukan yang lain masih sah dan berkuat kuasa.

- 3.3 Dasar dan Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada dasar, pekeling, surat pekeling, kaedah, garis panduan, arahan dan undang-undang semasa lain yang berkaitan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 3.4 Dasar dan Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

#### 4.0 PERKHIDMATAN PERUNDINGAN

- 4.1 Perkhidmatan perundingan adalah didefinisikan sebagai semua aktiviti staf di dalam penyediaan khidmat nasihat, khidmat profesional, khidmat kepakaran atau apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh staf yang melibatkan penggunaan masa dan kepakaran di mana staf tersebut menerima upah atau bayaran profesional. Secara umumnya perkhidmatan perundingan dikategorikan kepada tiga (3) jenis seperti berikut:-

##### 4.1.1 PERKHIDMATAN PERUNDINGAN DAN NASIHAT PAKAR

Perundingan dan Nasihat Pakar ditakrifkan sebagai kepakaran, nasihat atau maklumat yang diberikan berdasarkan data-data daripada hasil kajian atau serahan dalam bentuk seperti **laporan, analisis kajian, reka bentuk, pembangunan modul, kertas kerja, penghasilan produk, pensijilan, penentukuran dan lain-lain.**

##### 4.1.2 PERKHIDMATAN LATIHAN DAN KURSUS

Universiti dengan kepakaran yang pelbagai dan teknologi yang terkini dapat menyediakan kursus, seminar dan bengkel kepada pihak luar dengan lebih berkesan dan pada tahap dikehendaki. Penawaran kursus kepada pihak luar adalah sejajar dengan tanggungjawab Universiti untuk menolong pihak kerajaan dan pihak swasta dalam memantapkan tahap kepakaran para pekerja

masing-masing. Di antara jenis-jenis perkhidmatan yang boleh ditawarkan adalah seperti, **kursus pendek, latihan (*training*), bengkel, seminar dan lain-lain\***.

#### 4.1.3 PERKHIDMATAN FASILITI DAN PERALATAN UNIVERSITI

4.1.3.1 Perundingan di bawah kategori ini adalah merujuk kepada mana-mana projek perundingan di perenggan 4.1.1 atau 4.1.2 di atas yang melibatkan:-

- (a) penggunaan fasiliti, peralatan Universiti atau kedua-duanya;
- (b) kepakaran staf yang boleh menyelia dan menasihati dalam pengoperasian/pengendalian instrumen atau peralatan; atau
- (c) semua di atas.

4.1.3.2 Tatacara sewaan di bawah Dasar ini adalah **tertakluk** kepada PKPU dan undang-undang lain yang berkaitan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

*\*Nota:*

1. *Bagi sebarang persidangan yang melibatkan penggunaan logo UTeM, perlu mendapat kelulusan bertulis daripada pihak UGLOBE Bagi persidangan yang melibatkan akademik dan/atau penyelidikan hendaklah mendapat kelulusan bertulis Senat Universiti.*

## 4.2 SYARAT-SYARAT UTAMA PROJEK PERUNDINGAN

#### **4.2.1 SYARAT PROJEK PERUNDINGAN “G2G”/RISIKO RENDAH DIURUS OLEH PUSAT PENGURUSAN KOLABORASI RICE UTeM-MELAKA**

- 4.2.1.1 Klien daripada agensi kerajaan lain melantik Perunding Universiti dengan syarat, semua pembayaran projek perundingan dimestikan melalui UTeM.
- 4.2.1.2 Semua staf yang dilantik sebagai perunding projek perundingan “G2G”/Risiko Rendah hendaklah mendapat **kelulusan daripada Ketua PTj dan Pengarah Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka** dengan menggunakan **Borang Daftar Perundingan** terlebih dahulu sebelum menjalankan projek perundingan berkaitan.
- 4.2.1.3 Melengkapkan dan mengisi “**Borang Permohonan Untuk Menjalankan Pekerjaan Luar**” yang boleh dimuat turun di laman sesawang Canselori. “Borang Permohonan Untuk Menjalankan Pekerjaan Luar” yang telah lengkap diisi hendaklah:-
  - (a) dimajukan oleh staf kepada Ketua PTj bagi tujuan sokongan; dan
  - (b) dimajukan oleh staf kepada pihak Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor untuk tindakan selanjutnya.
- 4.2.1.4 Projek perundingan yang dijalankan hendaklah menepati bidang kepakaran dan pengetahuan perunding.
- 4.2.1.5 Individu luar yang berkepakaran boleh dipertimbangkan untuk dilantik sebagai ahli perunding tertakluk kepada keperluan projek dan Ketua Projek perlu lampirkan surat lantikan individu luar dengan kelulusan Ketua PTj.
- 4.2.1.6 Tempoh keseluruhan sesuatu projek perundingan

hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum yang dibenarkan iaitu sembilan puluh (90) hari kerja (*manday*) bagi satu tahun kalendar, kecuali mendapat kebenaran daripada Ketua PTj dan Pengarah Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka.

4.2.1.7 Sebarang MoA yang melibatkan perundingan bersama agensi kerajaan hendaklah melalui Jawatankuasa Perundingan sepertimana Pekeliling Pentadbiran yang berkuat kuasa.

4.2.1.8 Semua dokumen oleh pihak klien seperti Surat Setuju Terima, *Letter of Award*, atau lain-lain dokumen yang kandungannya mempunyai kesan atau implikasi yang sama sepertimana MoA, maka dokumen tersebut hendaklah melalui proses yang ditetapkan di dalam Pekeliling Pentadbiran yang berkuatkuasa di bawah kategori MOA (Perundingan).

4.2.1.1 Bagi projek yang melibatkan penggunaan peruntukan geran penyelidikan bagi membayar kerja-kerja perundingan, kelulusan dari pihak CRIM hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

#### **4.2.2 SYARAT-SYARAT PROJEK PERUNDINGAN MELALUI ANAK SYARIKAT UTeM**

4.2.2.1 Semua staf yang dilantik sebagai perunding **selain** daripada projek perundingan "G2G"/Risiko Rendah hendaklah mendapat sokongan daripada Ketua PTj dan kelulusan Pengarah Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka dengan menggunakan Borang Daftar Perundingan dari Anak Syarikat UTeM terlebih dahulu sebelum menjalankan projek perundingan.

4.2.2.2 Melengkapkan dan mengisi "Borang Permohonan

Untuk Menjalankan Pekerjaan Luar” yang boleh dimuat turun di laman sesawang Canselori. “Borang Permohonan Untuk Menjalankan Pekerjaan Luar” yang telah lengkap diisi hendaklah:-

- a) dimajukan oleh staf kepada Ketua PTj bagi tujuan sokongan; dan
- b) dimajukan oleh staf kepada pihak Unit Intergriti, Pejabat Naib Canselor untuk tindakan selanjutnya.

4.2.2.3 Projek perundingan yang dijalankan hendaklah menepati bidang kepakaran dan pengetahuan perunding.

4.2.2.4 Individu luar berkepakaran boleh dipertimbangkan untuk dilantik sebagai ahli perunding tertakluk kepada keperluan projek dan Ketua Projek perlu lampirkan surat lantikan individu luar dengan kelulusan Ketua PTj.

4.2.2.5 Tempoh keseluruhan sesuatu projek perundingan hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum yang dibenarkan iaitu sembilan puluh (90) hari kerja (*manday*) bagi satu tahun kalendar, kecuali mendapat kebenaran daripada Ketua PTj dan Pengarah Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka.

4.2.2.6 Sebarang MoA yang melibatkan perundingan bersama pihak luar adalah di bawah urusan Anak Syarikat UTeM sepenuhnya.

4.2.2.7 Semua dokumen oleh pihak klien seperti Surat Setuju Terima, *Letter of Award*, atau lain-lain dokumen yang kandungannya mempunyai kesan atau implikasi yang sama sepertimana MoA, maka dokumen tersebut hendaklah melalui proses yang ditetapkan oleh Anak Syarikat UTeM.

4.2.2.8 Penyelidik hendaklah mendapatkan kelulusan dari

pihak CRIM terlebih dahulu bagi projek yang melibatkan penggunaan peruntukan geran penyelidikan bagi membayar kerja-kerja perundingan.

#### 4.2.3 SYARAT-SYARAT LAIN PROJEK PERUNDINGAN

- 4.2.3.1 Bagi projek yang melibatkan penggunaan fasiliti dan peralatan Universiti, penggunaannya hendaklah direkodkan dalam buku log yang disediakan di PTj berkenaan.
- 4.2.3.2 Perkhidmatan yang **tidak dikira sebagai kerja perundingan** adalah seperti berikut:-
- i. Projek yang tidak didaftar sebagai projek perundingan di bawah Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka.
  - ii. Kerja-kerja sebagai pemeriksa tesis atau pemeriksa luar (*external examiner*) pelajar untuk mana-mana institusi pendidikan.
  - iii. Kursus atau latihan yang dilaksanakan melalui PPSH, PSTP dan PTj (rujuk nota di bawah).
  - iv. Kerja-kerja Penyelidikan Kontrak (*Contract Research*) di bawah CRIM.

*Nota:*

*1. Kursus atau latihan yang melalui PPSH adalah tertakluk kepada pengurusan dan kadar bayaran seperti di dalam Garis Panduan PPSH.*

*2. Pelaksanaan latihan, seminar atau kursus juga boleh dilaksanakan sendiri di bawah PTj (termasuk bukan Fakulti seperti Pejabat Bendahari, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi, PSTP dan lain-lain) dengan pembukaan tabung, di mana kertas kerja program tersebut hendaklah mendapat kelulusan Universiti/PTj sebelum dilaksanakan. Kadar bayaran kepada staf adalah tertakluk kepada kadar bayaran sepertimana di dalam PKPU yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.*

## 5.0 TANGGUNGJAWAB

### 5.1 TANGGUNGJAWAB PERUNDING

## **5.1.1 TANGGUNG JAWAB PERUNDING SECARA UMUM**

- 5.1.1.1 Perunding bertanggungjawab untuk menyelesaikan tugasnya dengan kualiti kerja yang tinggi dalam tempoh waktu yang ditetapkan, menjaga nama baik Universiti dan memastikan bahawa perkhidmatan perundingan tidak bercanggah dengan kepentingan Universiti.
- 5.1.1.1 Segala risiko dan liabiliti adalah ke atas Ketua Projek perundingan dan staf yang terlibat dalam aktiviti perundingan.
- 5.1.1.3 Perunding hendaklah menyatakan pendapatannya dari projek perundingan yang telah didaftarkan bagi tujuan pemotongan cukai.
- 5.1.1.4 Perunding hendaklah segera memaklumkan kepada Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka secara bertulis jika terdapat masalah untuk meneruskan pelaksanaan kerja perundingan.
- 5.1.1.5 Perunding hendaklah mendapatkan dan menyimpan bukti berkaitan pembayaran seperti salinan invoice kepada klien, bukti bayaran oleh klien dan lain-lain.
- 5.1.1.6 Sebagai bukti projek perundingan telah selesai dilaksanakan, kumpulan perunding hendaklah menghantar Borang Laporan Tamat Projek Perundingan ke Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka, dalam tempoh dua (2) minggu selepas projek tamat.

## **5.1.2 TANGGUNG JAWAB PERUNDING - PROJEK PERUNDINGAN "G2G"/RISIKO RENDAH DIURUS OLEH PUSAT PENGURUSAN KOLABORASI RICE UTeM-MELAKA**

- 5.1.2.1 Perunding hendaklah mendapatkan sokongan Ketua PTj bagi Projek Perundingan “G2G”/Risiko Rendah melalui Borang Daftar Perundingan, Universiti dan kelulusan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka.
- 5.1.2.2 Perunding bertanggungjawab mendapatkan kelulusan menjalankan projek perundingan sama ada sebagai ketua atau ahli projek.
- 5.1.2.3 Sebagai bukti projek perundingan telah selesai dilaksanakan, kumpulan perunding hendaklah menghantar laporan tamat projek perundingan kepada Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka dalam tempoh dua (2) minggu selepas projek tamat.

### **5.1.3 TANGGUNG JAWAB PERUNDING -PROJEK PERUNDINGAN DIURUS OLEH ANAK SYARIKAT UTeM**

- 5.1.3.1 Perunding hendaklah mendapatkan sokongan Ketua PTj dan kelulusan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka melalui Borang Daftar Perundingan yang dikeluarkan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka
- 5.1.3.2 Perunding bertanggungjawab mendapatkan kelulusan menjalankan projek perundingan sama ada sebagai ketua atau ahli projek
- 5.1.3.3 Perunding hendaklah segera memaklumkan Anak Syarikat UTeM secara bertulis jika terdapat masalah untuk meneruskan pelaksanaan kerja perundingan
- 5.1.3.4 Sebagai bukti projek perundingan telah selesai dilaksanakan, kumpulan perunding hendaklah menghantar laporan tamat projek perundingan kepada

Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka dan Anak Syarikat UTeM dalam tempoh dua (2) minggu selepas projek tamat.

## **5.2 TANGGUNGJAWAB KETUA PTj**

### **5.2.1 TANGGUNGJAWAB KETUA PTJ SECARA UMUM**

5.2.1.1 Ketua PTj hendaklah menyemak dan memastikan setiap permohonan projek perundingan yang disokong menepati bidang kepakaran dan pengetahuan perunding.

5.2.1.2 Ketua PTj hendaklah memberikan kerjasama kepada Ketua Projek sekiranya penggunaan kemudahan infrastruktur di PTj seperti ruang, kemudahan makmal dan peralatan diperlukan bagi tujuan melaksanakan perkhidmatan perundingan dan ianya tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di PTj. Penggunaan fasiliti Universiti perlu dicaj mengikut kadar sewaan di PKPU yang sedang berkuat kuasa.

5.2.1.3 Ketua PTj juga perlu memberikan kerjasama kepada Ketua Projek bagi sebarang pengeluaran surat bagi tujuan perkhidmatan perundingan seperti surat lantikan perunding luar dan lain-lain.

5.2.1.4 Ketua PTj memastikan penyelarasan penyediaan dokumen perjanjian di peringkat PTj sekiranya diperlukan oleh klien, untuk ditandatangani oleh klien dan dan UTeM.

### **5.2.2 TANGGUNGJAWAB KETUA PTJ DI BAWAH PROJEK “G2G”/RISIKO RENDAH**

- 5.2.2.1 Menyokong permohonan perunding di Borang Daftar Perundingan Universiti.
- 5.2.2.2 Ketua PTj bertanggungjawab mengesahkan setiap permohonan tuntutan bayaran perunding bagi projek perundingan yang telah diluluskan.

### **5.2.3 TANGGUNGJAWAB KETUA PTJ DI BAWAH PROJEK ANAK SYARIKAT UTeM**

- 5.2.3.1 **Menyokong** permohonan perunding di **Borang Daftar Perundingan** bagi setiap projek perundingan yang diuruskan Anak Syarikat UTeM.

### **5.3 TANGGUNGJAWAB PUSAT PENGURUSAN KOLABORASI RICE UTeM-MELAKA**

- 5.3.1 Menyedia dan menggubal apa-apa dokumen berkaitan perundingan bagi pihak Universiti secara komprehensif sebagai rujukan semua pihak yang berkaitan.
- 5.3.2 Memberikan kerjasama kepada Ketua Projek sekiranya ada keperluan bagi pengeluaran surat sebut harga kepada klien.
- 5.3.3 Mengeluarkan surat kelulusan dan memberikan kod (nombor) projek khusus untuk rujukan bagi setiap projek perundingan yang didaftarkan.
- 5.3.4 Merekodkan daftar perundingan serta membuat pemantauan ke atas semua projek perundingan seperti status tamat projek dan bayaran kepada hasil Universiti.
- 5.3.5 Mengemaskini rekod projek perundingan yang telah selesai dijalankan dalam sistem perundingan dan membuat makluman sukuan kepada Ketua PTj yang berkenaan.
- 5.3.6 Membuat perbincangan berkala bersama Pejabat Bendahari dan Anak Syarikat bagi membincangkan status projek-projek perundingan yang telah diluluskan serta isu-isu berkaitan perundingan.

- 5.3.7 Mengkaji dan menambah baik Dasar yang telah digubal supaya aktiviti penjanaaan pendapatan Universiti dapat dilaksanakan dengan sistematik, cekap dan produktif.
- 5.3.8 Melaksanakan aktiviti meningkatkan kesedaran dan kemahiran kepada perunding iaitu dengan menganjurkan seminar serta kursus berbentuk *soft skill* yang diperlukan oleh perunding.
- 5.3.9 Membuat pelaporan penjanaaan pendapatan Universiti, pelaporan MyRA (Seksyen C, Perkara 2), kenaikan pangkat staf dan lain-lain yang berkenaan perundingan.
- 5.3.10 Membuat pelaporan sukuan kepada Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti berkaitan dengan pendapatan perundingan universiti.

#### **5.4 TANGGUNGJAWAB PEJABAT BENDAHARI**

##### **5.4.1 TANGGUNGJAWAB SECARA UMUM**

- 5.4.1.1 Mendaftar projek perundingan yang diluluskan oleh Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka.
- 5.4.1.2 Memproses segala urusan kewangan termasuk permohonan invois kepada klien, tuntutan bayaran perunding, dan lain-lain tuntutan.
- 5.4.1.3 Membuat penyelarasan bayaran pengurusan dan agihan lebihan baki projek.
- 5.4.1.4 Menyemak baki akaun serta menutup akaun setiap projek perundingan yang telah selesai dijalankan.
- 5.4.1.5 Memberikan kerjasama kepada Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka dalam menyediakan maklumat berhubung status kewangan setiap projek perundingan.
- 5.4.1.6 Mengemaskini daftar perundingan

##### **5.4.3 TANGGUNGJAWAB DI BAWAH PROJEK PERUNDINGAN DI**

## **BAWAH ANAK SYARIKAT UTeM**

5.4.3.1 Mengeluar invoice kepada Anak Syarikat UTeM bagi projek perundingan perunding Universiti di bawah Anak Syarikat UTeM.

## **5.5 TANGGUNGJAWAB ANAK SYARIKAT UTeM**

- 5.5.1 Memberikan kerjasama kepada Ketua Projek dalam menguruskan apa-apa projek perundingan Universiti yang bersifat risiko tinggi serta mengeluarkan surat lantikan perunding.
- 5.5.2 Memproses segala urusan kewangan termasuk mengeluarkan invoice kepada klien, membuat bayaran kepada perunding, membuat bayaran pengurusan Universiti, kos sewaan Universiti dan lain-lain tuntutan.
- 5.5.3 Menghantar perincian bayaran kepada Pejabat Bendahari bagi setiap projek perundingan yang telah selesai dijalankan berdasarkan invoice yang dikeluarkan.
- 5.5.4 Membantu dan menyelaraskan penyediaan dokumen perjanjian sekiranya diperlukan oleh klien, untuk ditandatangani oleh klien dan Anak Syarikat UTeM.
- 5.5.5 Penglibatan secara aktif dalam membawa projek-projek perundingan luar, melantik calon kumpulan perunding, serta menyertai perbincangan yang berkaitan dengan projek perundingan yang dibawa oleh Anak Syarikat UTeM.
- 5.5.6 Membuat makluman sukuan kepada Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka berhubung status projek-projek perundingan yang diuruskan oleh Anak Syarikat UTeM tanpa perlu diminta.

## **6.0 TATACARA KEWANGAN & KADAR PEMBAYARAN**

### **6.1 PENGELUARAN INVOIS**

Tatacara pengeluaran invoice atau bil tuntutan kepada klien adalah seperti berikut:

- 6.1.1 Setelah mendapat kelulusan menjalankan projek perundingan, **Ketua Projek hendaklah memaklumkan pegawai yang menguruskan kewangan/pentadbiran di PTj** untuk memohon pengeluaran invois ke Pejabat Bendahari.
- 6.1.2 Berdasarkan keperluan projek, invois boleh dikeluarkan secara berfasa.
- 6.1.3 Ketua Projek hendaklah:
  - i. **Menyimpan salinan invois.**
  - ii. Mengambil maklum tempoh pembayaran oleh klien adalah 30 hari dari tarikh invois dikeluarkan.
  - iii. **Memaklumkan klien untuk** meletakkan nombor invois dalam butiran pembayaran dan **menghantar bukti bayaran** kepada Ketua Projek.
- 6.1.4 Bagi kerja perundingan yang melalui Anak Syarikat UTeM, invois dikeluarkan oleh Anak Syarikat UTeM kepada klien.
- 6.1.5 Invois boleh dikeluarkan sekiranya klien adalah individu.
- 6.1.6 Pembayaran secara pesanan tempatan adalah digalakkan.

## **6.2 TUNTUTAN BAYARAN PERUNDING**

Tatacara tuntutan bayaran perunding adalah seperti berikut:

- 6.2.1 Setelah klien menjelaskan bayaran kepada Bendahari Universiti, kumpulan perunding boleh membuat tuntutan bayaran perunding **melalui pegawai yang menguruskan kewangan/pentadbiran di PTj oleh Ketua Projek.**
- 6.2.2 Setiap perunding perlu mengemukakan tuntutan masing-masing dengan menghantar dokumen berikut:
  - a. Borang Tuntutan Bayaran Projek Perundingan;
  - b. Salinan Borang Daftar Perundingan yang telah diluluskan;
  - c. Salinan Surat kelulusan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka;
  - d. Bukti bayaran daripada klien; dan
  - e. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan, jika ada.

### 6.3 PENGIRAAN KOS PROJEK

Pada amnya perincian bagi kos keseluruhan projek perundingan melibatkan kos-kos berikut:

#### A. Kos Perunding

- i. Melibatkan bayaran honorarium kepada kumpulan perunding.
- ii. Kadar bayaran kepada perunding boleh mengguna pakai kadar pembayaran honorarium staf seperti dalam PKPU.
- iii. Walau bagaimanapun, sebarang kadar selain kadar dalam PKPU boleh digunakan atas persetujuan kedua-dua pihak (contoh: Klien bersetuju bayar melebihi kadar yang ditetapkan, dalam apa-apa bentuk kaedah pengiraan seperti *man hour per day*).
- iv. Bayaran perunding adalah tidak tertakluk kepada had maksima 1/2 daripada gaji bulanan perunding tersebut.

#### B. Kos Langsung

- i. Kos Langsung adalah terdiri dari kos bahan, kos perkhidmatan dan kos sewaan.
- ii. Kos bahan ialah semua kos barang termasuklah bahan-bahan asas termasuk peralatan untuk melaksanakan sesuatu projek perundingan.
- iii. Kos perkhidmatan pula termasuklah bayaran upah, elaun, saguhati, tuntutan perjalanan, percetakan, dan sebagainya.
- iv. Kos sewaan adalah sewaan peralatan dan kemudahan seperti makmal, bilik kuliah, dewan dan lain-lain. Pelarasan hasil sewaan peralatan dan kemudahan Universiti akan diagihkan kepada Tabung Kewangan PTj oleh Pejabat Bendahari.
- v. Sebarang pembelian atau pembayaran yang melibatkan kos langsung (termasuk kos sewaan) perlu mengikut syarat dan kadar seperti dalam PKPU setelah invois kepada klien dikeluarkan.

### C. Bayaran Penemu

- i. Bayaran kepada Penemu (sekiranya ada) adalah dibenarkan kepada staf Universiti atau pihak luar yang mengenalkan projek perundingan yang dilaksanakan.
- ii. Cara pengiraan bayaran penemu adalah seperti berikut:  
**(Kos Perunding + Kos Langsung) x Kadar (%)**
- iii. Perincian kadar peratus bayaran penemu adalah tertakluk kepada nilai projek seperti di PKPU yang berkuat kuasa bagi “Kelulusan Bayaran Penemu dan Pengagihan Lebihan Hasil Projek Perundingan”;
- iv. **Pengurusan Tertinggi Universiti tidak dibenarkan** untuk menerima bayaran sebagai Penemu.

### D. Bayaran Pengurusan

- i. Bayaran pengurusan adalah peratus bayaran yang perlu dibayar kepada Universiti, PTj dan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka bagi setiap projek perundingan yang dijalankan.
- ii. **Kadar (%) bayaran pengurusan (bagi projek “G2G”/berisiko rendah dan tinggi)** adalah seperti berikut:

<b>Nilai Projek (Kos Perunding + Kos Langsung)</b>	<b>Kadar (%)</b>
RM50,000.00 dan ke bawah	15%
RM50,001.00 ke RM500,000.00	Minimum 10%
RM500,001.00 dan ke atas	Minimum 5%

- iii. Cara pengiraan bayaran pengurusan adalah seperti berikut:  
**(Kos Perunding + Kos Langsung) x Kadar (%)**
- iv. Bagi projek bernilai RM50,001.00 ke RM500,000.00 dan ke atas, walaupun kadar (%) minimum iaitu 10% dan 5% ditetapkan, namun kumpulan perunding digalakkan berunding bagi

menetapkan kadar (%) yang melebihi kadar minimum bagi tujuan penjaan pendapatan PTj dan Universiti.

- v. Bagi sesuatu projek di mana **kos langsung adalah melebihi kos perunding**, maka pengurangan kadar bayaran pengurusan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat berikut:
  - a. kos langsung adalah melebihi kos perunding; dan
  - b. nilai projek adalah RM50,000.00 dan ke bawahPengiraan Kos Pengurusan:  
$$(\text{Kos Perunding} \times 15\%) + (\text{Kos Langsung} \times 10\%)$$
- vi. **Bagi projek yang dibawa oleh Anak Syarikat UTeM**, kadar bayaran pengurusan adalah 10% daripada nilai keseluruhan projek (tidak termasuk SST).

#### **E. Bayaran SST**

- i. Bayaran SST sebanyak 8% (tertakluk kepada kadar semasa) akan dikenakan bagi projek perundingan yang **melalui Anak Syarikat UTeM sahaja**.
- ii. Cara pengiraan bayaran SST adalah seperti berikut:  
 **$(\text{Kos Perunding} + \text{Kos Langsung} + \text{Bayaran Penemu} + \text{Bayaran Pengurusan}) \times 8\%$**
- iii. **Tiada bayaran SST bagi projek perundingan G2G/risiko rendah**

### **6.4 AGIHAN HASIL PROJEK**

#### **6.4.1 Agihan Bayaran Pengurusan:**

- i. Hasil pendapatan daripada peratus (%) Bayaran Pengurusan (seperti dalam perenggan 6.3, Bahagian D) akan diagihkan seperti berikut:
  - a. Projek di bawah pengurusan Universiti (“G2G”/berisiko rendah)

80%	Universiti
15%	Tabung Kewangan PTj
5%	Tabung Kewangan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM- Melaka

- b. Projek di bawah pengurusan Anak Syarikat UTeM (berisiko tinggi)

50%	Anak Syarikat UTeM
35%	Universiti
10%	Tabung Kewangan PTj
5%	Tabung Kewangan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM- Melaka

- c. Projek yang dibawa oleh Anak Syarikat UTeM

80%	Universiti
15%	Tabung Kewangan PTj
5%	Tabung Kewangan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM- Melaka

- ii. Anak Syarikat UTeM hendaklah menyalurkan terus Bayaran Pengurusan (seperti agihan di atas) kepada Bendahari Universiti mengikut setiap projek bersama-sama perincian projek (termasuk kod Projek) kepada Pejabat Bendahari dalam tempoh 30 hari setelah menerima bayaran daripada pihak klien.
- iii. Pejabat Bendahari akan membuat pengagihan kepada Tabung Kewangan PTj, Tabung Kewangan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka dan sebagai hasil Universiti.

6.4.2 **Agihan Baki Projek** (jika ada):

- i. Setelah sesuatu projek tamat, jika terdapat lebih wang daripada penjimatan kos projek iaitu sama ada projek melalui Universiti atau Anak Syarikat UTeM, maka baki tersebut akan disalurkan kepada Tabung Kewangan PTj (100%).
- ii. Lebihan wang termasuk penjimatan daripada kos pembelian barang, kos sewaan, kos upah dan lain-lain.
- iii. Pejabat Bendahari akan mendapatkan pengesahan baki projek daripada PTj sebelum pelarasan agihan dibuat.
- iv. Anak Syarikat UTeM hendaklah membuat bayaran lebihan tersebut kepada Bendahari Universiti dalam tempoh 30 hari setelah projek tamat dan pengagihan akan dibuat oleh Pejabat Bendahari.
- v. Contoh agihan baki projek:

Kos Projek yang diluluskan	RM20,000.00
Perbelanjaan	RM18,000.00
Baki (lebihan wang)	RM2,000.00
<b>Agihan:</b> Tabung Kewangan PTj (100%)	RM2,000.00

- 6.4.3 Sebarang ketidakcukupan baki projek akan ditampung oleh Tabung Kewangan PTj.

## 6.5 CONTOH PENGIRAAN KOS DAN AGIHAN BAYARAN PENGURUSAN

### SENARIO 1:

#### Projek "G2G"/berisiko rendah melalui Universiti

Bil.	Caj	%	Jumlah
A	Kos Bayaran Perunding	Tiada	RM20,000.00
B	Kos Langsung	Tiada	RM10,000.00
C	Bayaran Penemu (jika ada)	$(A+B) \times 5\%$	RM1,500.00
D	Bayaran Pengurusan	$(A+B) \times 15\%$	RM4,500.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>RM36,000.00</b>

#### Agihan: Bayaran Pengurusan

Bil.	Agihan	Pengiraan	Jumlah
1.	Universiti (80%)	$RM4,500.00 \times 80\%$	RM3,600.00
2.	Tabung Kewangan PTj (15%)	$RM4,500.00 \times 15\%$	RM675.00
3.	Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-	$RM4,500.00 \times 5\%$	RM225.00

### SENARIO 2:

#### Projek berisiko tinggi melalui Anak Syarikat UTeM

Bil.	Caj	%	Jumlah
A	Kos Bayaran Perunding	Tiada	RM20,000.00
B	Kos Langsung	Tiada	RM10,000.00
C	Bayaran Penemu (jika ada)	$(A+B) \times 5\%$	RM1,500.00
D	Bayaran Pengurusan	$(A+B) \times 15\%$	RM4,500.00
E	SST (8%)	$(A+B+C+D) \times 8\%$	RM2,880.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>RM38,880.00</b>

### Agihan: Bayaran Pengurusan


Bil.	Agihan	Pengiraan	Jumlah
1.	Anak Syarikat UTeM (50%)	RM4,500.00 x 50%	RM2,250.00
2.	Universiti (35%)	RM4,500.00 x 35%	RM1,575.00
3.	Tabung Kewangan PTj (10%)	RM4,500.00 x 10%	RM450.00
4.	Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka (5%)	RM4,500.00 x 5%	RM225.00

## 7.0 PENUTUPAN PROJEK PERUNDINGAN

Bagi setiap projek perundingan yang telah selesai dilaksanakan:-

- i. Ketua Projek hendaklah memastikan pembayaran telah selesai.
- ii. Ketua Projek hendaklah menghantar **Borang Laporan Tamat Projek Perundingan** ke Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka dalam tempoh dua (2) minggu selepas projek perundingan selesai.
- iii. Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka dan Anak Syarikat UTeM hendaklah menyemak borang tamat sebelum menutup akaun setiap projek dan sesalinan laporan penutupan ke Pejabat Bendahari.
- iv. Pejabat Bendahari hendaklah memastikan akaun projek tidak berbaki setelah penutupan projek.

## 8.0 CARTA ALIR PENGURUSAN KEWANGAN



**Nota:**

Bagi perundingan yang dibawa oleh Anak Syarikat UTeM, Anak Syarikat UTeM perlu menyalurkan terus Bayaran Pengurusan kepada Pejabat Bendahari Universiti mengikut kos setiap projek. Anak Syarikat juga hendaklah menghantar Borang Laporan Tamat Projek Perundingan ke RICE selepas projek tamat.

## **JAWATANKUASA PERUNDINGAN**

### **KEAHLIAN**

Pengerusi :

Pengarah Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka

Ahli :

1. Penyelaras Perundingan, Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka
2. Wakil Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko (PPSKR)
3. Wakil Bendahari
4. Wakil PUU

Urus setia : Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka

Pengerusi boleh mengundang mana-mana wakil untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Perundingan bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi tiada hak untuk mengundi.

### **TERMA RUJUKAN**

1. Mengkaji, membangunkan dan mencadangkan apa-apa dokumen berkaitan perundingan Universiti.
2. Menentukan hala tuju perkhidmatan perundingan Universiti selaras dengan tujuan.
3. Mengadakan mesyuarat bagi membincangkan dan meluluskan sebarang MoA yang melibatkan perundingan bersama pihak luar sepertimana Pekeliling Pentadbiran Bilangan 30 Tahun 2021.
4. Mengadakan mesyuarat bagi permohonan projek perundingan di mana penentuan risiko memerlukan perbincangan lanjut di peringkat Jawatankuasa Perundingan bagi tujuan kelulusan.
5. Mengadakan mesyuarat berkala bagi membincang dan memantau laporan perkembangan projek-projek perundingan Universiti.
6. 2/3 daripada keahlian Jawatankuasa Perundingan termasuk Pengerusi akan membentuk kuorum mesyuarat.
7. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Perundingan adalah muktamad.